



OLEH JAINUDIN DJIMIN
(jainudin@newsabahtimes.com.my)

LABUAN: Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah (KEKAUMAS) bersetuju dengan kenyataan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr. Ali Ham-

KEKAUMAS sokong pemberian bonus kepada penjawat awam

sa berhubung pemberian bonus untuk penjawat awam pada tahun ini.

Presidennya, Amat Jutrah Musnith (gambar) berkata inilah masanya Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak memberikan penghargaan dan satu langkah proaktif kepada semua penjawat awam di Malaysia yang telah memberikan komitmen yang terbaik untuk sama-sama memajukan negara yang tercinta.

Cadangan yang telah diluahkan oleh Presiden Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Dato' Hj. Omar Hj. Osman kepada kerajaan adalah satu kenyataan ikhlas daripada penjawat awam yang berjaya membawa pencapaian yang terbaik dalam membantu kerajaan sebagai mata dan telinga kepada semua rakyat dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab.

Katanya, permintaan lebih sebulan setengah bonus adalah satu jumlah yang sederhana sahaja dan jika Perdana Menteri memberikan bonus sebanyak dua bulan gaji adalah lebih baik berbanding dengan pendapatan negara yang sudah bertambah daripada tahun lepas.

Amat berharap pemberian bonus pada tahun ini perlulah dibayar sekali gus sahaja dan bukan seperti tahun lepas dibayar dengan tiga peringkat.

"Pembayaran yang paling sesuai adalah sebelum perayaan Aidilfitri tahun ini. Pembayaran seperti ini kita dapat memfokuskannya kepada mereka yang berpendapatan rendah yang tidak mampu mengumpulkan perbelanjaan sekali gus," katanya dalam satu kenyataan, di sini.

Pemberian seperti ini akan menyaksikan hasrat kerajaan untuk menuaikan jaji ditepati seperti yang telah diumumkan sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 baru-baru ini.

Semua penjawat awam yang berjumlah lebih 1.4 juta orang akan tertunggu-tunggu pengumuman berkenaan dalam pembentangan Belanjawan 2014 yang dijadualkan pada 25 Oktober depan.

Katanya, Dato' Omar selaku pemimpin kesatuan telah menyuarakan permohonan berkenaan bagi pihak pekerja yang mewakili lebih 1.4 juta penjawat awam kepada kerajaan agar mendapat pertimbangan sewajarnya.

Bagi Kesatuan Kakitangan Am Universiti Malaysia Sabah dan Kampus Antarabangsa Labuan, cadangan Presiden CUEPACS kepada kerajaan memang amat bertepatan dengan keadaan ekonomi yang telah melonjak tinggi hasil usaha gigih yang telah dilaksanakan semua pihak.

"Saya yakin cadangan pihak Kesatuan yang dibawa oleh Dato' Omar kepada Perdana Menteri akan dipertimbangkan dengan sewajarnya," katanya.

Semenara itu, Setiausaha Kekaumas, Salmiah Tertif yakin segala usaha yang telah dibuat oleh seorang pemimpin yang disegani di Malaysia akan mendapat perhatian dan pertimbangan yang setimpal dengan kejayaan negara pada masa kini.

Timbalan Presiden Kekaumas, Abdul Jalil Sapli pula berkata dengan pemberian bonus oleh kerajaan nanti bukanlah sebagai hadiah kepada penjawat awam di Malaysia bahkan ia adalah satu pemberian ikhlas yang tidak sepertinya bagi menghargai kecermerlangan penjawat awam yang penuh ranjau dan halangan demi kejayaan kerajaan.